**JABATAN/AGENSI TEKNIKAL: JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**
**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

| Bil. | JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) | Bilangan Dokumen |
|---|---|---|
| A. | Laporan Cadangan Pemajuan yang mengandungi:<br><br>i. Pelan Susunatur<br>ii. Pelan Kunci dan Pelan Lokasi<br>iii. Pelan Survei Butiran Aras Laras Tapak dengan salinan digital | 1 |
| B. | **Laporan-Laporan Geologi**<br><br>Laporan Siasatan Tapak yang disediakan oleh perunding geologi bagi semua tapak pembangunan. Siasatan tapak terperinci diperlukan bagi kawasan yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar seperti berikut; seperti kawasan yang didasari **batu kapur**, kawasan **enapan kuartenari geologi**, kawasan **takungan air, tanah tebus guna** dan kawasan **bekas lombong**.<br><br>Laporan yang akan dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:<br><br>i. Lokasi lubang gerudi yang ditandakan di atas Pelan Survei Butiran Aras Laras<br>ii. Paras air tanah<br>iii. Keputusan ujian in situ dan makmal<br>iv. Log lubang gerudi dan keratan rentas (profil sub-permukaan) | 1 |
| C. | Laporan Pemetaan Geologi Terain yang disediakan oleh perunding geologi bagi kawasan lereng bukit **berkecerunan 15°** dan ke atas pembangunan di kawasan **tanah tinggi** (300m-1,000m)<br><br>Laporan yang akan dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:<br><br>i. Analisis kecuraman cerun berasaskan Pelan Survey Butiran Aras Laras (1-5m)<br>ii. Pelan Poligon Pemetaan Geologi Terain<br>iii. Pelan Kesesuaian Pembinaan menunjukkan peratusan kelas<br>iv. Pelan Kesesuaian Pembinaan yang ditindih dengan Pelan Susunatur dengan salinan digital | 1 |
| D. | Laporan penilaian geologi pembangunan berhampiran kawasan bukit batu kapur berpandukan Garis Panduan Pembangunan di Sekitar Bukit Kapur, JMG 2015 perlu disediakan bagi pembangunan yang terletak berhampiran **tebing curam bukit batu kapur** dalam lingkungan dua (2) kali ketinggian tebing kritikal. | 1 |
| E. | Laporan Penilaian Geologi Pembangunan Di Kawasan Gambut bagi kawasan yang didasari oleh **gambut atau berpaya**. | 1 |
| F. | Laporan Geofizik bagi kawasan yang didasari oleh **formasi batu kapur**. | 1 |
| G. | Penilaian dan ulasan potensi sumber mineral yang terletak di dalam atau sekitaran kawasan tapak permohonan di luar kawasan RT. | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| H. | Penilaian dan ulasan mengenai sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian yang terletak di sekitaran tapak permohonan di luar kawasan RT. | 1 |

* Kesemua laporan-laporan geologi yang dikemukan perlu disediakan atau disahkan oleh Ahli Geologi yang bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi (BoG).